

18/01/1997

## Meningkatkan mutu perubatan

MELIHAT perkembangan dan kemajuan hari ini, sebahagian daripada teknologi teras terbukti mempunyai pelbagai kemungkinan yang akan membawa perubahan besar dalam kegiatan dan mekanisme kehidupan manusia masa depan. Justeru, kita akan menghadapi bentuk tamadun abad ke-21 yang dipengaruhi pelbagai keupayaan manusia meneroka, membangun dan menggunakan teknologi teras ini secara produktif dan optimum.

Kini dengan teknologi elektronik digital (DET), manusia berjaya menghasilkan perkakasan dan peralatan komunikasi moden seperti sistem televisyen interaktif digital (DIT). Menerusi sistem telefon selular digital (DCT) pula, kita bukan saja berupaya menghantar maklumat berasaskan komputer tanpa memerlukan modem, malah mengawasi kerahsiaan maklumat yang dikirimkan. Dengan pelancaran satelit Low Earth Orbit (LEO,) dengan DCT juga kita selaku pengguna boleh berkomunikasi ke mana-mana saja di bumi ini.

Kemajuan dalam teknologi komputer termaju secara langsung memantapkan teknologi perkomputeran tersebar, khususnya dalam aplikasi pertukaran data elektronik (EDI) sidang video (VC), rangkaian interaksi setempat (LAN) dan rangkaian interaksi kawasan luas (WAN). Lantaran itu, setiap perkhidmatan tidak terbatas kepada perkhidmatan bersemuka sebaliknya menerusi teknologi satelit yang bertindak sebagai ejen penghubung.

Pastinya menerusi pelbagai aplikasi teknologi ini, semua urusan sama ada secara komersil mahu pun untuk memenuhi tanggungjawab sosial, akan dapat dilaksanakan dengan mudah dan pantas.

Dalam memanfaatkan segala bentuk teknologi canggih ini, kepesatannya menuntut kita untuk turut memberi ruang yang seluas-luasnya kepada bidang kesihatan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, meningkatkan tahap kesihatan rakyat terus menjadi agenda kerajaan. Justeru itu, pelbagai program dan projek bagi membantu rakyat ke arah mencapai dan mengekalkan taraf kesihatan yang lebih baik sudah dan sedang diperkenalkan.

Menerusi Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), Pejabat Kesihatan Daerah akan diberi kemudahan `on-line' yang dihubungkan kepada Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri. Melalui sistem on-line ini orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai penyakit dan kesihatan dengan mudah. Sistem `on-line' juga memberikan perkhidmatan dan rawatan yang lebih cepat dan berkesan kepada pesakit dari segi perkhidmatan kaunter dan maklumat sejarah perubatan.

Lantaran pentingnya bidang kesihatan dimajukan seiring dengan kemajuan teknologi komputer, ia dikenal pasti sebagai antara tujuh bidang penggunaan multimedia khusus yang akan dibangunkan di Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam tempoh tiga tahun oleh rangkaian syarikat antarabangsa dan tempatan.

Apabila MSC siap, negara akan memiliki Pusat Serantau untuk teleperubatan. Menerusi pusat ini, klinik luar bandar akan disambungkan kepada pakar perubatan tempatan dan klinik pakar di luar negara menggunakan peralatan sidang video untuk diagnosis jarak jauh.

Dengan teknologi VC ia membolehkan sekumpulan pengamal perubatan di lokasi berbeza mengadakan perjumpaan secara interaktif, membolehkan mereka bertukar pandangan dan pendapat selain berkongsi imej video. Doktor tidak lagi perlu berada dalam satu bilik dengan pesakit. Maklumat penting boleh dikumpul menerusi alat baru seperti stetoskop elektronik yang dikendalikan jururawat dan juruteknik. Maklumat ini kemudiannya dikaji dan dibandingkan

dengan pesakit lain oleh doktor terbaik di dunia menggunakan data sedia ada dalam komputer.

Begitu juga apabila berlaku kecemasan. Sebelum tiba di hospital, pesakit boleh menerima rawatan segera di dalam ambulans menerusi interaksi ini yang disambung dengan teleperubatan di hospital.

Sebagaimana yang diharapkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, kita yakin konsep teleperubatan ini akan diterima oleh rakyat.

Kita percaya menerusi khidmat yang canggih ini, ia bukan sahaja dapat memberi jaminan perkhidmatan kesihatan paling sempurna malah mendidik rakyat peka kepada penjagaannya. Kita juga yakin langkah ini juga dapat meningkatkan kepakaran, kemahiran, dan kemampuan pengamal kesihatan tempatan menimba pelbagai ilmu perubatan menerusi teknologi interaktif ini.

(END)